

**Shahrizat Bakal Letak Jawatan Menteri
mStar Online
Mac 11, 2012
Oleh ISABELLE LAI , TASHNY SUKUMARAN**

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil akan meletakkan jawatan dalam kabinet apabila jawatannya sebagai senator tamat pada April.

Bagaimanapun, beliau akan kekal memegang jawatan Ketua Wanita Umno.

"Saya ingin menegaskan bahawa saya membuat keputusan saya sendiri. Saya suka negara ini dan menghormati kerajaan dan Perdana Menteri.

"Saya tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan NFC (Perbadanan Fidlot nasional). Kebetulan saya hanya berkahwin dengan pengrusinya.

"Saya telah berada dalam politik dalam tempoh yang lama, dan ia adalah tindakan yang betul untuk dilakukan," katanya kepada pemberita di Desa Water Park.

Shahrizat, yang dikelilingi oleh kanak-kanak dan bayi di atas pangkuannya sepanjang sidang akhbar itu berkata beliau bersyukur kerana mempunyai peluang untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Berkhidmat terhadap kumpulan sasaran di bawah kementerian adalah satu perjalanan yang menyeronokkan bagi saya," katanya, sambil menambah bahawa ianya telah membawa makna dalam kehidupannya.

Pengumuman senator dibuat selepas pelbagai dakwaan terhadap keluarganya yang dikatakan telah menggunakan pinjaman RM250 juta untuk NFC untuk membeli tanah, harta, dan perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan penternakan lembu.

Diketahui oleh suami Shahrizat, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail dan tiga anak mereka, NFC bertujuan untuk membekalkan daging lembu di Pusat fidlot Nasional di Gemas, Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 Laporan Ketua Audit Negara menunjukkan bahawa NFC telah terlepas matlamat pengeluaran yang membawa kepada pelbagai andaian dan meletakkan keluarganya sebagai tumpuan.

Bekas Ahli Parlimen Lembah Pantai telah menegaskan bahawa dia tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan NFC melainkan menjadi "satu-satunya isteri" Salleh.

Sejak itu, firma yang dibiayai dana awam telah berulang kali dituduh oleh parti-parti pembangkang menggunakan pinjaman kerajaan untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan penternakan lembu, termasuk pembelian unit kondominium mewah di Bangsar dan Singapura, dan tanah di Putrajaya.

Polis pada bulan lepas mengesyorkan supaya Peguam Negara mengambil tindakan terhadap pengarah NFC atas tindakan jenayah pecah amanah jenayah, tetapi Peguam Negara telah meminta polis meneruskan siasatan selanjutnya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/11/mstar_berita/20120311163453&sec=mstar_berita